



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

MKSB @ UiTM Mukah Lahirkan Pemimpin Pelajar Berjiwa Kental

Penulis: Siti Farah Lajim, Imelia Laura Daneil, Yahutazi Chik, dan Juriah Japar

MUKAH: Modul Kepimpinan Survival Bangsa (MKSB) pada semester Mac – Julai 2023 ini telah dijalankan pada 16 hingga 18 Jun 2023. Disebabkan beberapa masalah yang tidak dielakkan, modul ini yang lazimnya diadakan di luar kampus bagaimanapun pada semester ini telah diadakan di dalam kampus yang melibatkan seramai 40 orang mahasiswa dan mahasiswi dari pelbagai program yang berpotensi untuk menjadi pemimpin di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelab, persatuan dalaman dan juga badan beruniform UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah.

Modul ini merupakan salah satu daripada tiga modul di bawah Program Kepimpinan Pewaris Bangsa (PKPB) yang merupakan program khas universiti di bawah Institut Kepimpinan Pelajar (IKP) Universiti Teknologi MARA (UiTM). Melalui PKPB inilah mahasiswa dan mahasiswi UiTM berpeluang memperolehi nilai tambah dalam membentuk sahsiah dan professional mereka agar menjadi graduan yang memiliki 7 ciri-ciri Kemahiran Insaniah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). MKSB yang dilaksanakan selama 3 hari 2 malam ini menekankan aktiviti berkumpulan yang mengasah 6 daripada 7 kemahiran insaniah yang tersebut di atas seperti kerja berpasukan, komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritis dalam penyelesaian masalah, moral professional dan pengurusan maklumat.

Aktiviti pagi Sabtu dan Ahad dimulakan seawal 6:30 pagi dengan senaman pemanasan badan seperti Zumba dan sukan antara kumpulan. Walaupun diadakan di dalam kampus, beberapa aktiviti mencabar minda peserta telah diadakan yang meliputi permainan "String and Ball", "Atomic Bomb", "Fill the tube", "Tripod", "Explore race: Running-man", dan "Spider Web". Pada sebelah malam Jumaat dan Sabtu pula, pelajar berpeluang untuk melontarkan pendapat dan buah fikiran masing-masing dalam sesi diskusi Teraju Minda dan juga Peta Malaysia. Tema kumpulan pula bersifatkan perwira negara seperti Mat Kilau, Hang Tuah, Hang Jebat dan Siamang Gagap bagi menyemarakkan lagi kecintaan para peserta kepada tanah air. Penganjuran kali ini dilaksanakan di sekitar kampus dengan bantuan dua orang jurulatih jemputan dari Kem Belia Mukah iaitu, Encik Hasbollah Bin Julen dan Encik Cyprian Bin Kusai disebabkan kekangan keadaan kem yang sedang di dalam proses naiktaraf. Fasilitator yang terlibat pada kali ini pula terdiri dari Puan Juriah Japar, Encik Yahutazi Chik, Puan Imelia Laura Anak Daneil dan Puan Siti Farah Lajim.

